WLM/AA88/SH/06.10.2026/P:2 (1-3)

Konflik pelajar bermula dalam telefon - Pakar

SHAH ALAM – Konflik dalam kalangan pelajar kini tidak semestinya bermula di kantin atau bilik darjah, sebaliknya boleh tercetus dalam telefon sebelum dibawa ke dunia nyata.




ZALMIZY

Pakar Kriminologi dan Keselamatan Sempadan Universiti Utara Malaysia, Dr Zalmizy Hussin berkata, pelajar hari ini hidup dalam dua dunia serentak iaitu fizikal dan digital menyebabkan pertelingkahan boleh berlaku tanpa henti di luar pengetahuan guru dan ibu bapa.

"Hampir setiap konflik yang saya teliti bermula bukan di kantin sekolah, tetapi di dalam telefon, di kumpulan WhatsApp kelas, di ruangan komen TikTok atau di Threads.

"Di situlah bermulanya sindiran, penyebaran aib dan ugutan yang berlaku 24 jam tanpa rehat. Guru tidak nampak, ibu bapa tidak tahu," katanya kepada *Sinar Harian*.



SHAHUL HAMID

Menurutnya, pendedahan berterusan kepada video pergaduhan, 'prank' melampau dan kandungan keganasan turut berisiko menipiskan empati sehingga perbuatan agresif dianggap sesuatu yang biasa.

Katanya, kelemahan mengawal impuls juga membimbangkan apabila pelajar mahu bertindak segera ketika berasa malu, cemburu atau tercabar di hadapan rakan.

"Pelajar hari ini kurang berlatih untuk bertenang dan berunding kerana kemahiran sosial bersemuka semakin lemah. Apabila berasa malu, cemburu atau tercabar, mereka mahu membalas dengan segera untuk menjaga air muka," katanya.

Zalmizy berkata, keadaan boleh menjadi lebih serius apabila pelajar memendam tekanan kerana takut mendapatkan bantuan atau dilabel bermasalah sehingga emosi terkumpul dan akhirnya meletus dalam bentuk keganasan fizikal.

Sementara itu, Pakar Kriminologi, Shahul Hamid Abd Rahim berkata, keganasan membabitkan pelajar perlu dilihat secara menyeluruh termasuk faktor keluarga, pendidikan, emosi dan pengaruh kandungan media sosial.

"Tambah pula, di media sosial mereka melihat pelbagai bentuk keganasan. Apa yang mereka lihat itu akhirnya dibawa ke alam nyata," katanya.

Beliau berkata, ibu bapa perlu memantau kandungan yang dilihat anak-anak, manakala sekolah perlu memperkukuh pengawasan terutama di kawasan tersembunyi, waktu rehat dan ketika pelajar bergerak pulang.

Katanya, pemeriksaan barangan pelajar juga wajar dilakukan secara konsisten bagi mengesan objek berbahaya, selain tindakan disiplin perlu dilaksanakan secara adil.

JADUAL WAKTU SOLAT

NEGERI	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
PERLIS	5:58	7:06	1:09	4:24	7:09	8:19
ALOR SETAR	5:57	7:04	1:09	4:24	7:09	8:18
PULAU PINANG	5:57	7:04	1:09	4:23	7:09	8:18
IPOH	5:55	7:00	1:07	4:20	7:07	8:17
KOTA BHARU	5:50	6:59	1:02	4:17	7:02	8:07
KUALA TERENGGANU	5:46	6:54	12:58	4:12	6:58	8:07

NEGERI	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
KUANTAN	5:46	6:54	12:59	4:10	7:00	8:09
KUALA LUMPUR • PUTRAJAYA	5:52	6:58	1:04	4:17	7:05	8:14
SHAH ALAM	5:52	6:58	1:04	4:17	7:04	8:13
SEREMBAN	5:51	6:57	1:03	4:14	7:05	8:13
BANDAR MELAKA	5:49	6:57	1:02	4:13	7:03	8:12
JOHOR BAHRU	5:43	6:51	12:56	4:06	6:57	8:06

• PENERBIT/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (CEO) GRUP SINAR KARANGKRAF: **FARAH HUSSAMUDDIN** • KETUA PENGARANG KUMPULAN: **ZAMRI RAMBLI** • PENGARANG EKSEKUTIF: **AZMI TARMIZI**
• PENGARANG BERITA: **JUNHAIRI ALYASA** • TIMBALAN PENGARANG BERITA: **BADRULDIN ZAKARIA, ZUKI PILEH, AZLINA MOHAMAD JANTAN, AHMAD SYAHRUL DERAUH, NURUL RIDUAN NOR ASHAHA**
• KETUA JABATAN IKLAN: **AIROL FADLEY LIMIN** • PENGARAH KREATIF KANAN: **NORAZLAN ISMAIL**

• Diterbitkan oleh **Sinar Karangkraf Sdn Bhd, No.3, Jln Renggam 15/5, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.** Tel: **03-51017388** Faks: **03-51017333** • Dicetak oleh **Ultimate Print Sdn.Bhd. , Lot 2, Jln Sepana 15/3, Off Persiaran Selangor, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.** Tel: **03-51013888** Faks: **0351013301** • Tel: **03-51017480** (Unit Langganan Karangkraf Mall) • E-mel: **editorsh@sinarharian.com.my**